

JERANTUT: Kawasan Hutan Simpan Tekai Tembeling, dekat sini bakal menjadi kawasan hutan lestari dan model pengurusan hutan terbaik selain dijadikan kawasan pusat penyelidikan hutan, sekali gus mengimbangi ekosistem di bekas kawasan pembalakan.

Ia antara inisiatif Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) bagi memastikan kawasan hutan negara termasuk hutan simpan terjamin khazanahnya serta menjadi pusat hutan penyelidikan, pendidikan, pemuliharaan.

Kawasan Hutan Simpan Tekai Tembeling seluas 21.5 hektar adalah kawasan pertama dipilih FRIM dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Pahang sebagai model hutan dengan penanaman sebanyak 18 spesies pokok kayu hutan dan buah-buahan.

Projek Kajian Pembangunan Teknologi Pengurusan Hutan Secara Lestari di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar itu menelan belanja RM1.5 juta bermula pada pada tahun 2006 sehingga 2015.



“Selain tujuan menjaga dan memulihara hutan, FRIM juga mahu membantu kerajaan menguruskan sumber hutan negara secara lestari”

Shamsudin Ibrahim
Pengarah Bahagian Perhutanan dan Alam Sekitar FRIM

Pengarah Bahagian Perhutanan dan Alam Sekitar FRIM, Dr Shamsudin Ibrahim, berkata projek itu dibahagikan kepada dua fasa, dengan Fasa pertama bermula 2006 hingga 2010 manakala Fasa Kedua bermula 2011 hingga 2015.

"Fasa pertama dibahagikan kepada empat komponen termasuk penubuhan dan pembangunan model hutan fasa kedua pula banyak memberi tumpuan kepada aktiviti pemantauan dan penilaian keberkesanan model hutan

yang dibangunkan supaya menjadi yang terbaik dan turut membantu mewujudkan hasil hutan negara yang bermutu," katanya ketika ditemui di sini.

Shamsudin berkata, selain tujuan menjaga dan memulihara hutan, FRIM juga mahu membantu kerajaan menguruskan sumber hutan negara secara lestari.

Sementara itu, Ketua Penyelidik FRIM, Dr Ismail Harun, berkata model hutan berkenaan bakal menjadi

hutan yang kaya dengan spesies terbaik negara kerana semua benih ditanam semula di hutan boleh dijadikan bahan rujukan penyelidikan.

"Selain itu, penanaman hutan memberi kesan ekologi dan menghindari sumber air daripada pencemaran disebabkan kawasan penebangan hutan hasil aktiviti pembalakan yang ditinggalkan," katanya.

Penyelidik Kanan Bahagian Hutan Asli FRIM, Wan Mohd Shukri Wan Ahmad pula berkata, sebanyak 3,440 pokok cengal, meranti tembaga (960), masing-masing 639 meranti siput jantan dan meranti sarang punai, kemang semangkuk (450), balau sengkawang air (305), keladan (300), perah (150), 150 nyatoh (150) dan 80 keruing kipas.

"Turut ditanam pokok buah-buahan bagi memperluaskan rantaian makanan bagi binatang hutan dan mengelakkan ia tidak keluar mencari makanan di kawasan dusun orang kampung," katanya.



KAWASAN Hutan Simpan Tekai Tembeling bakal menjadi kawasan hutan lestari dan model pengurusan hutan terbaik negara.